

**12TH WOMEN'S SUMMIT 2014  
15/09/2014**

**THE ROYALE CHULAN HOTEL, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh ,  
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun,  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

YBhg. Dato' Sabariah Hassan  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato, Datin-Datin,

Your Excellencies and Members of the Diplomatic Corps,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama hadir pada Sidang Kemuncak Wanita 2014 yang merupakan kali yang ke-12 diadakan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerana sekali lagi mengundang saya untuk merasmikan Sidang Kemuncak Wanita ini.

Ladies and gentlemen,

2. I am indeed honoured to be here with you today at the 12th Women's Summit organized by the Ministry of Women, Family and Community Development. This Women Summit has established itself as the preeminent platform for women to discuss on the advancement of women in Malaysia. My congratulation goes to Ministry of Women, Family and Community Development, Malaysia for organizing this year's summit.

3. The Women's Summit series have its historic importance and significant because these series transcend a period of time when the government embarks on this journey

of facilitating the issues surrounding gender equality, encouraging diversity debate as well as promoting the drive for inclusiveness. Recommendations and feedbacks from the summit have given rise to formulation of policies and programmes for the elevation of the status of women in Malaysia over the past years, particularly those currently being implemented under the National Policy on Women and the Plan of Action on the Advancement of Women (2009 – 2015) as well as the 10th Malaysia Plan (2011 – 2015).

4. One of the achievements of the policies and programmes is the increase of women labour force participation rate. With the rate steadily rising from 46.8% in 2010 to 52.4% in 2013, the government is optimistic that the target set under the 10th Malaysia Plan (2011 – 2015), which is to increase the women labour force participation rate to 55 percent in 2015 will definitely be achievable.

5. In addition to these initiatives, programmes on entrepreneurship have also produced commendable results creating women entrepreneurs who can be their own bosses and generate opportunities for other women.

6. In line with this development, the government continues to facilitate the right conditions as well as put in place enabling and conducive environments for more women leaders to emerge in all sectors. The theme “Trailblaze to the Top”, is therefore an action call to women to complement these measures with their own initiatives so that they are able to bring other women to rise with them as they succeed in their careers or their business ventures.

7. Usaha kerajaan yang berterusan untuk mentransformasikan ekonomi negara bagi mencapai aspirasi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 pastinya akan memberi manfaat kepada rakyat, sekiranya mereka berusaha merebut peluang yang disediakan sama ada peluang pekerjaan mahupun peluang keusahawanan. Seperti kata Sarah Breedlove atau lebih dikenali sebagai Madame C. J. Walker, seorang usahawan wanita terkenal “I had to make my own living and my own opportunity! Don’t sit down and wait for the opportunities to come, Get up and make them.” Ini merupakan kata-kata semangat bagi setiap wanita dalam apa juga bidang yang diceburi, bahawa kita sendiri lah yang akan menentu peluang, hala tuju dan kejayaan untuk kita terus berjaya dalam kehidupan.

8. Di Malaysia, kaum wanita amat bertuah kerana berpeluang mendapat pendidikan sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Oleh keranan itulah, mereka diyakini mampu untuk bersaing dengan lebih kompetitif malah ada di kalangan wanita kita yang telah menempa kejayaan dalam pelbagai bidang hingga ke peringkat global. Menurut Laporan Daya Saing Global (CGR) 2014-2015, terbitan World Economic Forum, Malaysia telah muncul sebagai salah sebuah daripada 20 negara paling kompetitif di dunia daripada

kalangan 144 negara.

9. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2013, sebanyak 78.6% daripada keseluruhan jumlah wanita yang bekerja adalah pekerja dalam sektor swasta. Menyedari akan perkara ini, kerajaan telah menggubal dasar dan undang-undang serta menyediakan insentif untuk sektor swasta yang bertujuan bagi meningkatkan guna tenaga wanita dan memastikan wanita terus kekal dalam pekerjaan hingga berupaya mengisi jawatan-jawatan tinggi.

10. Kerajaan sememangnya menaruh harapan besar terhadap sektor swasta untuk melonjakkan kepimpinan wanita bagi mencapai kepelbagaian dan kesaksamaan gender. Dalam hal ini, pada tahun 2011, kerajaan telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat. Dasar ini mempunyai matlamat untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan yang merangkumi pengurusan atasan dan ahli lembaga pengarah supaya sasaran sekurang-kurangnya 30% dapat dicapai.

11. Saya dimaklumkan bahawa pihak kementerian juga sedang mengkaji pewujudan 30% Club untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan. Penubuhan 30% Club seumpama ini telah diadakan di beberapa Negara seperti di United Kingdom dengan penglibatan pemimpin-pemimpin perniagaan dari syarikat-syarikat yang besar. Menyedari akan manfaat yang diperolehi melalui penubuhan 30% Club ini, mereka telah memperkenalkan inisiatif pementoran. Inisiatif ini telah dapat menonjolkan wanita-wanita yang berkebolehan kepada pihak pengurusan atasan untuk pertimbangan bagi mengisi jawatan tinggi disesebuah organisasi. Dalam hal ini, saya difahamkan pihak PEMANDU sedang meneliti kemungkinan bagi Malaysia mempunyai kelabnya sendiri melalui mekanisme dan acuan kita sendiri.

12. Sektor awam di negara kita telah pun mempunyai kumpulan dan bilangan pemimpin wanita yang mampu membawa perubahan kepada cabaran kesaksamaan gender. Saya pasti bilangan wanita yang memegang jawatan tinggi, akan terus meningkat menerusi usaha Jabatan Perkhidmatan Awam yang melaksanakan laluan peningkatan kerjaya secara fast track bagi pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional berpotensi tinggi. Mereka dinilai berasaskan keupayaan kepimpinan, pemikiran strategik, komunikasi berkesan, berkeupayaan membuat keputusan dan mengambil tindakan serta mempunyai integriti yang tinggi.

13. Saya dimaklumkan pada tahun 2013, seramai 205,557 orang atau 62% daripada jumlah pegawai awam di peringkat pengurusan dan profesional adalah wanita. Oleh itu, saya berharap semua pemimpin wanita yang memegang jawatan tinggi dalam sektor awam terus menjadi teladan dan pencetus inspirasi kepada pegawai-pegawai awam

wanita yang lain untuk meningkatkan kebolehan dan pencapaian bagi melayakkan diri memasuki fast track ini.

14. Bagi Sektor keusahawanan pula, kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyediakan peluang keusahawanan kepada wanita. Misalnya, kerajaan telah menyediakan skim pinjaman mudah bagi usahawan wanita yang menceburi perusahaan kecil dan sederhana (SME). Hingga 31 Disember 2013, 76 syarikat milikan wanita telah menerima pembiayaan tersebut berjumlah RM38 juta melalui SME Corp Malaysia. Di samping pembiayaan khas ini, kerajaan melalui SMECorp juga menyediakan program hybrid berupa pembiayaan serta bimbingan kepada usahawan wanita iaitu program Enrichment and Enhancement dan program Business Accelerator. Contohnya 64 buah syarikat milikan wanita telah mendapat manfaat daripada program Business Accelerator berjumlah RM18.41 juta sehingga Disember 2013.

15. Selain itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara - Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA-LIH), kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melatih dan melahirkan begitu ramai usahawan wanita yang berjaya. Dari tahun 2009 hingga Ogos 2014, sejumlah 6000 usahawan wanita telah berjaya dalam perniagaan mereka dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500 atau lebih. Sementara bagi program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), untuk tempoh 2008 sehingga Jun 2014, seramai 4,445 orang ibu tunggal telah dilatih di bawah program ini.

16. Adalah menjadi harapan saya, supaya usahawan-usahawan wanita yang telah berjaya dalam bidang masing-masing melibatkan diri untuk memberi sokongan kepada mereka yang mula baru hendak menapak dalam bidang-bidang tertentu. Dalam erti kata lain, sebagai pemimpin yang cemerlang, kita perlu membentuk orang lain agar turut menjadi cemerlang.

17. Tema "Trailblaze to the Top" ini menekankan kepada sifat-sifat kepimpinan seseorang dalam membangunkan individu-individu lain untuk menempa kejayaan. Ia bukan saja merujuk kepada kepimpinan dalam organisasi formal, tetapi juga dalam pelbagai konteks kehidupan. Faktor utama penentu kejayaan adalah setiap wanita perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan peredaran masa.

18. Oleh itu, program-program pementoran perlu diteruskan kerana ia membolehkan proses perkongsian pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan pengalaman melalui dialog dan pembelajaran secara kolaboratif. Sudah pasti hubungan seumpama ini menghasilkan kemahiran dan kompetensi baru yang dapat meningkatkan mutu kerja serta pencapaian kedua-dua mentor dan mentee.

19. Saya berharap persidangan kali ini akan menjadi platform terbaik dalam menjana idea-idea yang lebih bernas untuk di pertimbangkan sebagai dasar dan program kerajaan yang akan memberi manfaat kepada golongan wanita. Tahniah saya ucapkan kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini dan diharap ia akan menjadi motivasi kepada semua yang terlibat dalam usaha memartabatkan wanita di negara kita.

20. Akhir kata dengan lafaz saya dengan sukacita merasmikan Sidang Kemuncak Wanita 2014.

Sekian, terima kasih.